

From: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
Sent: 04 Oktober 2015 9:52
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Abdul Rahim B Othman; Prof. Madya Dr. Chandrakantan a/l Subramaniam; Dr. Norashidah Binti Hashim; Zulkafri @ Zanariah Bt Yaakob
Subject: UUM FINALIS MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS 2015 : INSTITUTIONAL AWARD CATEGORY



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

4 OKTOBER 2015 / 20 ZULHIJAH 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zanariah Yaakob
Gambar Oleh: Ku Mohamad Rizal Ku Ismail

UUM FINALIS MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS 2015 : INSTITUTIONAL AWARD CATEGORY



CEDI ONLINE : 30 September 2015 – Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) merupakan pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mengiktiraf institusi pendidikan tinggi Malaysia bagi kecemerlangan aktiviti dalam bidang keusahawanan. MEA diilhamkan pada tahun 2012 dan hanya dipertandingkan di kalangan universiti awam sahaja. Konsep yang sama juga digunakan dalam pertandingan pada tahun 2013. Walaubagaimanapun, pada tahun 2015 pertandingan ini dibuka kepada universiti awam (UA), universiti swasta (US), Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia.

Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mencalonkan penyertaan untuk empat (4) kategori yang dipertandingkan iaitu Institutional Award, Best Mentor (Academic), Best Student Start-Up dan Best Project. Selepas saringan awal, penyertaan UUM bagi Institutional Award dan Best Mentor (Academic) telah disenarai pendek untuk membentangkan hasil kecemerlangan aktiviti keusahawanan mulai dari Julai 2013 hingga Jun 2015 pada 17 dan 18 September 2015 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam, Timbalan Pengarah CEDI membentangkan bagi kategori Institutional Award manakala Prof. Madya Dr. Filzah Md Isa membentangkan bagi kategori Best Mentor (Academic). Turut hadir memberi sokongan dalam sesi pembentangan tersebut adalah Prof. Dr. Noor Azizi Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Othman, Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Norashidah Hashim dan Tuan Syed Muhammad Awaludin Tuan Baharu.

Sukacita dimaklumkan bahawa UUM telah diumumkan sebagai finalis bagi Kategori Institutional Award kali ke-3 berturut-turut (2012, 2013 dan 2015). Sehubungan dengan itu, satu Lawatan Panel Penilai akan berkunjung ke UUM pada 29 Oktober 2015 untuk menilai aktiviti-aktiviti keusahawanan sepertimana yang dibentangkan.

Pengarah Eksekutif CEDI ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pencapaian ini.

Tamat

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

smattb2015



 **Save a tree.**
Please don't print this e-mail unless it's necessary.